

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.06.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebab Menteri enggan memberikan pecahan fi Goldman Sachs dan diskaun bon kepada pelabur untuk terbitan bon-bon bernilai US\$3 bilion, US\$1.75 bilion dan US\$1.75 bilion untuk 1MDB Global Investment, 1MDB Energy dan 1MDB Energy (Langat) seperti yang diminta pada sesi lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pihak pengurusan 1MDB kepada Kementerian Kewangan, rundingan dan penentuan hasil (*yield*) yang dibuat adalah mengikut proses standard pasaran di antara penerbit dan pelabur semasa rundingan bagi penjualan dan pembelian *fixed income security*. Goldman Sachs bertindak sebagai '*principal*' dan bukan dalam kapasiti agensi bagi transaksi ini.

Keseluruhan hasil (*yield*) yang diperolehi oleh Goldman Sachs daripada harga terbitan bon (*issue price*), fi dan kupon adalah berpatutan dengan saiz terbitan, tempoh, ketidakcairan (*illiquidity*) dan risiko kredit (*credit risk*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN : 71

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) sebab-sebab AirAsia tidak memberi keutamaan dan penghormatan kepada Bahasa Malaysia semasa membuat pengumuman di dalam penerbangan (domestik & antarabangsa); dan
- (b) adakah pihak berkuasa Malaysia seperti Kementerian Pengangkutan/Jabatan Penerbangan Awam dan DBP tidak menegaskan panduan/arahan seperti ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, AirAsia sentiasa memberi keutamaan dan penghormatan kepada Bahasa Malaysia semasa membuat pengumuman di dalam penerbangan (domestik & antarabangsa). Menurut AirAsia, pihaknya telah mewajibkan anak-anak kapal penerbangan syarikat tersebut untuk membuat pengumuman dalam Bahasa Malaysia dan diikuti Bahasa Inggeris untuk laluan domestik dan antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan telah menegaskan arahan kepada syarikat-syarikat penerbangan negara untuk memberi keutamaan dan penghormatan kepada Bahasa Malaysia semasa membuat pengumuman di dalam penerbangan (domestik & antarabangsa). Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai badan yang mendukung komitmen kerajaan untuk mengembangkan bahasa kebangsaan bukan sahaja pada sektor awam tetapi swasta, DBP telah melaksanakan berbagai-bagai usaha untuk memastikan semua pihak mematuhi segala perkara yang telah digariskan dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan) 1995

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN : 72

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan secara terperinci proposal cadangan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Adakah perancangan Kerajaan negeri untuk menyediakan tanah bagi projek berkaitan di bahagian selatan LTAPP diterima. Juga jelaskan adakah projek Lapangan Terbang Kulim akan diteruskan, nyatakan dengan terperinci termasuk tempoh dan kosnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menerima cadangan pembesaran LTAPP daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut adalah tidak lengkap dan Kerajaan telahpun memohon ianya dikemukakan semula.

Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada masa ini sedang menjalankan Kajian Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Baru di Utara Malaysia. Kajian ini dijangka akan dimuktamadkan pada bulan November 2015. Keputusan kajian tersebut akan memberikan panduan terhadap kebolehlaksanaan projek-projek pembangunan lapangan terbang di utara Malaysia, termasuk cadangan pembesaran LTAPP.